

15/01/1998

Kementerian arah MRA senarai barang import

KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna mengarahkan Persatuan Peruncit Malaysia (MRA) menyenaraikan barangan import dan tempatan di pasaran negara.

Menterinya, Datuk Megat Junid Megat Ayob, berkata senarai itu juga perlu menggariskan kandungan bahan import dalam barangan tempatan, iaitu sama ada ia benar-benar sekurang-kurangnya 50 peratus buatan tempatan atau tidak.

Perkara itu diputuskan dalam pertemuan dengan syarikat pengimport yang dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz di pejabatnya, petang semalam.

"Dalam pertemuan itu, saya meminta MRA menyenaraikan semua barangan yang dijual di pasar raya dan pasar gudang yang merangkumi barangan tempatan dan import," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini, petang ini.

Minggu lalu, kerajaan memutuskan semua barangan import yang tidak begitu laris tetapi dilambakkan di pasaran akan disenaraikan supaya ia tidak lagi diimport bagi mengelak pengaliran keluar wang negara.

Arahan itu dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat Kabinet bertujuan menggalakkan penggunaan barangan buatan tempatan.

(END)